# PERATURAN PEMARKAHAN SEJARAH

# KERTAS 2

**SEJARAH** **1249/2**

**Kertas 2**

**2 ½ jam** **Dua jam tiga puluh minit**

PERATURAN PEMARKAHAN ( SKEMA )

PERATURAN PEMARKAHAN YANG DISEDIAKAN INI HANYA SEBAGAI PANDUAN KEPADA GURU SAHAJA. GURU BOLEH MERUJUK PADA BUKU TEKS DAN BAGI JAWAPAN SOALAN KBAT, GURU BOLEH MERUJUK PADA BAHAN RUJUKAN LAIN YANG BERSESUAIAN DAN BERTEPATAN. GURU PERLU MEMBIMBING MURID CARA MENJAWAB YANG BETUL UNTUK MENDAPATKAN MARKAH YANG MAKSIMUM.

**PERATURAN PEMARKAHAN**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2024**
**SEJARAH KERTAS 2**

**BAHAGIAN A**

| Soalan | | Butiran | Markah |
|---|---|---|---|
| **1(a)** | **Nyatakan pembesar yang terlibat dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka** | | **2 markah** |
| | F1<br>F2<br>F3<br>F4<br>F5 | Bendahara<br>Penghulu Bendahari<br>Temenggung<br>Laksamana<br>Syahbandar, Bentara, Orang kaya, hulubalang, penghulu<br>**[Mana-mana 2 x 1*m*]** | **1**<br>**1**<br>**1**<br>**1**<br>**1**<br><br>**2 markah** |
| **(b)** | **Jelaskan peranan pembesar di soalan 1 (a)** | | **4 markah** |
| **(i)** | F1<br>H1a<br><br>H1b<br>H1c<br><br>F2<br>H2<br><br>F3<br>H3<br>F4<br>H4a<br>F5<br>H5a | Bendahara<br>Merupakan pembesar yang menjalankan tugas sebagai ketua pentadbir<br>Sebagai ketua angkatan tentera<br>Menasihati sultan dalam pelbagai hal/kewangan kerajaan secara teratur<br>Penghulu Bendahari<br>Menguruskan perbedaharaan/kewangan kerajaan secara teratur<br>Temenggung<br>Menjaga keselamatan kota Melaka<br>Laksamana<br>Bertindak sebagai panglima angakatan laut Melaka<br>Pembesar lain<br>Membantu dalam pentadbiran<br><br>**(mana-mana jawapan munasabah)**<br>**[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **1**<br>**1**<br><br>**1**<br>**1**<br><br>**1**<br>**1**<br><br>**1**<br>**1**<br>**1**<br>**1**<br>**1**<br>**1**<br><br><br>**4 markah** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **(c)** | **Sejauh manakah hubungan antara Sultan Melaka dengan Pembesar Berempat membantu kejayaan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka?** | | **4 markah** |
| | F1 | Sultan Mengetuai pemerintahan | **1** |
| | F2 | Dibantu Pembesar berempat / pembesar lain | **1** |
| | C2 | Syahbandar / bentara / hulubalang | **1** |
| | F3 | Pembesar berperanan dengan tugas masing-masing | **1** |
| | F4 | Menjadikan pentadbiran KMM teratur / sistematik | **1** |
| | C4 | Bendahara – ketua pentadbir / penasihat sultan | **1** |
| | F5 | Wujudkan hubungan / persefahaman dua hala/sultan pembesar | **1** |
| | F6 | Berlaku permuafakatan antara sultan dengan pembesar | **1** |
| | F7 | Tujuan menentukan hala tuju pentadbiran KMM | **1** |
| | F8 | Permuafakatan wujud sehinggar hari ini | **1** |
| | F9 | Dapat mengelakkan sebarang tindakan sewenang-wenangnya oleh pemerintah | **1** |
| | F10 | Kesannya mewujudkan proses pentadbiran yang sempurna | **1** |
| | | *(Mana-mana jawapan yang berkaitan)*<br>**[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **4 markah** |

| Soalan | | Butiran | Markah |
|---|---|---|---|
| **2(a)** | **Namakan dua pengasas ideologi komunisme di Barat** | | [2 *markah*] |
| | F1 | Karl Marx | **1** |
| | F2 | Friedrich Engels | **1** |
| | | **[Mana-mana 2 x 1*m*]** | **2 markah** |
| **(b)** | **Bagaimanakah Parti Komunis Malaya berkembang di Tanah Melayu?** | | |
| **(i)** | F1 | Melalui kesatuan sekerja. | 1 |
| | F2 | Berlaku kekosongan politik selepas Perang Dua Kedua | 1 |
| | F3 | Memberi ruang kepada PKM menyebarkan fahaman mereka. | 1 |
| | F4 | Mendapat sokongan MPAJA | 1 |
| | F5 | Kemasukan Parti Kuomintang dari China | 1 |
| | F6 | Penyebaran melalui pemimpin komunis Indonesia | 1 |
| | F7 | Mendapat sokongan daripada masyarakat cina dan Melayu | 1 |
| | | **[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **4*m*arkah** |
| **(c)** | **Bagaimanakah kita boleh menghargai keamanan yang telah kita kecapi selama 67 tahun?** | | **4 markah** |
| | M1 | Mematuhi undang-undang | **1** |
| | M2 | Menunjukkan taat setia kepada raja dan negara | **1** |
| | M3 | Menjaga nama baik negara | **1** |
| | M4 | Menghormati antara satu sama lain | **1** |
| | M5 | Mengutamakan aspek keselamatan dan kebersihan | **1** |
| | | *(Mana-mana jawapan yang munasabah)* | |
| | | **[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **4 markah** |

| Soalan | | Butiran | Markah |
|---|---|---|---|
| **3(a)** | **Berikan maksud sistem Persekutuan di negara kita** | | 2*markah*] |
| | F1 | Penyatuan beberapa buah negeri membentuk sebuah negara bersekutu | **1** |
| | F2 | Persekutuan dinamakan Malaysia | **1** |
| | F3 | Wujudnya Kerajaan Persekutuan (Kerajaan Pusat) dan Kerajaan Negeri | **1** |
| | F4 | Pembahagian kuasa dalam sistem pentadbiran | **1** |
| | F5 | Sistem Raja berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen diwujudkan dalam pentadbiran negara | **1** |
| | | **[Mana-mana 2 x 1*m*]** | **2 markah** |
| **(b)** | **Jelaskan peranan dan tanggungjawab bagi kerajaan berikut:** | | |
| **(i)** | | Pentadbiran Kerajaan Persekutuan | |
| | F1 | Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan | 1 |
| | F2 | Kuasa Kerajaan Persekutuan termaktub dalam senarai Persekutuan | 1 |
| | F3 | Hal ehwal luar negeri | 1 |
| | F4 | Pertahanan | 1 |
| | F5 | Kewangan | 1 |
| (ii) | | Pentadbiran Kerajaan Negeri | |
| | F1 | Dewan Undangan Negeri ( DUN) berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat negeri | 1 |
| | F2 | Kerajaan Negeri berkuasa dalam undang-undang Islam | 1 |
| | F3 | Tanah | 1 |
| | F4 | Pertanian dan perhutanan | 1 |
| | F5 | Hari kelepasan negeri | 1 |
| | | **[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **4*m*arkah** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **(c)** | **Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, apakah peranan anda untuk memastikan hubungan baik antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri kekal utuh supaya keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terjamin.** | | **4 markah** |
| | F1 | Berani mempertahankan negara dari ancaman kuasa asing | **1** |
| | F2 | Bekerjasama dengan pemimpin demi mengukuhkan negara. | **1** |
| | F3 | Bertolerasi dengan kaum lain agar semanagat perpaduan erat | **1** |
| | F4 | Bertanggungjawab demi menjaga kemakmuran ekonomi negara | **1** |
| | F5 | Setia kepada raja dan negara tanpa berbelah bahagi | **1** |
| | F6 | Patuh Rukun Negara Kedaulatan undang-undang mesti dijunjung | **1** |
| | F7 | Berdisiplin menjadi warganegara yang cintakan tanah air | **1** |
| | F8 | Melibatkan diri dalam program kemasyarakatan yang dapat memupuk kerjasama antara kaum. | **1** |
| | | *(Mana-mana jawapan yang munasabah)* | |
| | | **[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **4 markah** |

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| 4(a) | **Apakah cabaran yang dihadapi oleh negara Malaysia selepas pembentukannya?.** | | [2 *markah*] |
| | F1 | Cabaran pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah | 1 |
| | H1a | Negara menghadapi cabaran bagi menyeimbangkan pembangunan dan ekonomi | 1 |
| | F2 | Mempelbagaikan kegiatan ekonomi | 1 |
| | H2a | Rakyat Sabah Sarawak masih mengamalkan pertanian sara diri | 1 |
| | H2b | Kerajaan perlu menyusun bidang pekerjaan | 1 |
| | F3 | Memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan | 1 |
| | H3a | Kedua-dua negeri ini masih bergantung kepada sistem pengangkutan air | 1 |
| | H4b | Sungai dan Laut bagi tujuan perhubungan | 1 |
| | F4 | Kebanyakan sekolah yang wujud zaman British ialah sekolah vernarkular Inggeris dan Cina. | 1 |
| | H4a | Berada di kawasan bandar | 1 |
| | H4b | Penduduk kawasan pedalaman tidak mendapat peluang secukupnya untuk bersekolah | 1 |
| | | **[Mana-mana 2 x 1*m*]** | **2 markah** |
| (b) | **Jelaskan usaha yang telah dilakukan untuk menghadapi cabaran di atas?** | | [4 markah] |
| | F1 | Menawarkan peluang ekonomi yang lebih luas | 1 |
| | F2 | Hasil bahan asli disumbangkan oleh Sabah Sarawak untuk meningkatkan jumlah eksport negara | 1 |
| | F3 | Kerajaan pelbagaikan pertanian komersial | 1 |
| | C1 | Seperti kelapa sawit, getah, koko | 1 |
| | F4 | Buka peluang kegiatan ekonomi berkaitan petrolium | 1 |
| | F5 | Kerajaan membina sistem perhubungan dan pengangkutan | 1 |
| | F6 | Terutama kepada penduduk kawasan pedalaman | 1 |
| | F7 | Usaha menyeimbangkan pembangunan dilakukan | 1 |
| | F8 | melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia | |
| | F9 | Sarawak dan Sabah dimasukkan dalam Rancangan | 1 |
| | | Malaysia Pertama Bermula tahun 1966. | 1 |
| | | **Mana-mana 4 x 1*m*]** | **4 *m*arkah** |

| (c) | **Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, huraikan strategi yang perlu dilakukan bagi meningkatkan kesejahteraan ekonomi negara kita?** | | **4 markah** |
|---|---|---|---|
| | F1 | Rakyat Malaysia lebih berdedikasi dalam usaha membangunkan negara menjadi tanah air yang gembira dan makmur bagi diri sendiri dan anak-anak. | **1** |
| | F2 | Menggalakkan pelaburan asing | **1** |
| | F3 | Menguasai pelbagai kemahiran | **1** |
| | F4 | Mengurangkan kerenah birokrasi | **1** |
| | F5 | Bersikap inovatif dalam perniagaan yang dilakukan | **1** |
| | F6 | Pemimpin berpandangan jauh dan berwawasan | **1** |
| | F7 | Rakyat bersatu padu dan menerima pembaharuan yang baru | **1** |
| | F8 | Sektor Pendidikan membuka kursus yang berkaitan perniagaan | **1** |
| | F9 | Melakukan penyelidikan dan pembangunan | **1** |
| | F10 | Mempertingkatkan hubungan diplomatik dengan negara luar | **1** |
| | F11 | Menaiktaraf kawasan strategik yang dapat menarik minat pelancong asing | **1** |
| | | ***(Mana-mana jawapan yang berkaitan)*** | |
| | | **[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **4 markah** |

**PERATURAN PEMARKAHAN**
**KERTAS 2**
**BAHAGIAN B**

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| **5** | | | |
| **(a)** | **Apakah yang dimaksudkan dengan nasionalisme?** | | |
| | F1<br>F2<br>F3<br>F4<br>F5 | Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara.<br>Semangat kebangsaan<br>Perjuangan menentang penjajahan<br>Pembelaan terhadap bangsa dan negara<br>Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing.<br><br>**[Mana-mana 4 x 1*m*]** | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[4*m*]** |
| **(b)** | **Nasionalisme di Barat berkembang hasil daripada penentangan terhadap pemerintahan beraja yang menjadi simbol penindasan terhadap hak dan kebebasan rakyat .**<br>**Jelaskan tentang revolusi berikut:** | | |
| | | i) Revolusi Keagungan di England (1688) | |
| | F1 | Keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat | 1 |
| | F2 | Raja James II membelakangkan parlimen | 1 |
| | F3 | Semasa menggubal undang-undang | 1 |
| | F4 | Ahli parlimen bangkit menentang pemerintahan raja berkuasa mutlak | 1 |
| | F5 | dengan sokongan Mary II dan suaminya Raja William . | 1 |
| | F6 | Menyedari sokongan maikin berkurangan Raja James II melarikan diri ke Perancis. | 1 |
| | F7 | Dikenali sebagai Keagungan kerana peralihan kuasa berlaku secara aman tanpa pertumpahan darah | 1 |
| | F8 | Semasa pemerintahan Mary II dan William of Orange, konsep kedaulatan parlimen dan sistem raja berperlembagaan dimantapkan. | 1 |
| | F9 | Bill of Rights digubal untuk memberikan keutamaan kepada parlimen menggubal undang-undang dan hak mengutip cukai | 1 |
| | | **[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **[4*m*]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | ii) Revolusi Perancis (1789) | |
| | F1 | Tercetus daripada idea nasionalisme yang memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan oleh golongan pemikir Perancis. | 1 |
| | F2 | Jacques telah menulis The Social Contract yang mengemukakan keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat. | 1 |
| | F3 | Suara rakyat digelar sebagai "Hasrat umum" yang merupakan kata sepakat golongan yang mempunyai kesedaran. | 1 |
| | F4 | Kedaulatan rakyat lebih penting daripada institusi beraja dan birokrasi. | 1 |
| | F5 | Golongan revolusi menentang pemerintahan autokratik Raja Louis XVI dan golongan bangsawan yang memonopoli keistimewaan. | 1 |
| | F6 | Rakyat terbeban dengan pelbagai cukai. | 1 |
| | F7 | Golongan revolusi menggempur penjara Bastile dan membebaskan tahanan politik. | 1 |
| | F8 | Raja Louis XVI digulingkan. | 1 |
| | F9 | Kesannya muncul Republik Perancis dan berakhirnya pemerintahan beraja di Perancis. | 1 |
| | | **[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **[4*m*]** |
| **(c)** | **Poster berikut menggambarkan Sambutan Hari Kemerdekaan .<br>Beri ulasan anda.** | | |
| | F1 | "Jiwa Merdeka" tema Hari Kemerdekaan yang dipilih pada tahun 2024. | 1 |
| | F2 | Bertujuan membawa negara ke arah kema dan kesejahteraan negara. | 1 |
| | F3 | "Jiwa Merdeka" merupakan lambang kebebasan rakyat Malaysia untuk menzahirkan semangat patriotisme kepada negara. | 1 |
| | F4 | "Jiwa Merdeka" merupakan lambang kesepaduan negara secara holistik negara yang maju dan progresif menaungi rakyat yang berbilang kaum, bersatu hati dan teguh jati dirinya | 1 |
| | F5 | Malaysia Madani merupakan tunjang kepada kemakmuran dan kemajuan negara | 1 |
| | F6 | Malaysia Madani disokong enam nilai teras utama. | 1 |
| | F7 | Rakyat perlu memelihara kedaulatan negara untuk mengekalkan kemerdekaan. | 1 |
| | F8 | Rakyat perlu berani dan sanggup berkorban untuk mempertahankan negara. | 1 |
| | F9 | Jasa para pahlawan negara perlu dikenang sebagai menghargai pengorbanan mereka. | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F10 | Rakyat perlu memupuk semangat patriotik untuk mengekalkan kedaulatan negara, | 1 |
| | F11 | Rakyat perlu memupuk perpaduan untuk memelihara kedaulatan negara. | 1 |
| | F12 | Rakyat perlu memupuk perpaduan untuk mencapai kemakmuran negara. | 1 |
| | F13 | Rakyat harus gigih dalam memajukan negara. | 1 |
| | | *(Mana-mana jawapan yang munasabah)* | |
| | | **[Mana-mana 8 x 1*m*]** | **[8 *m*]** |

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| **6** | | | |
| **(a)** | **Apakah faktor penubuhan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?** | | |
| | F1 | **Penentangan Orang Melayu terhadap Malayan Union** | 1 |
| | H1a | Orang Melayu, Raja-raja Melayu, cendekiawan Melayu dan UMNO berganding bahu dan membantah pelaksanaan Malayan Union. | 1 |
| | H1b | Buktinya, apabila Gammas dan Rees William membuat laporan kepada British menyatakan sekiranya Malayan Union dilaksanakan, keadaan huru-hara akan berlaku. | 1 |
| | F2 | **Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO** | |
| | H2a | Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral dan Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union mengadakan pertemuan dan rundingan dengan Raja-raja Melayu. | 1<br>1 |
| | H2b | Penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan. | 1 |
| | H2c | Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union. | |
| | H2d | Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor. | 1 |
| | H2e | Raja berkuasa dalam perundangan. | 1 |
| | H2f | Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam persekutuan yang baharu. | 1<br>1 |
| | F3 | **Sokongan Pentadbir British** | 1 |
| | H3a | Pegawai British mendorong pembentukan PTM (Sir Edward Gent, Malcom McDonald,dll) | 1 |
| | H3b | Cadangan Sir Ralph Hone | 1 |
| | | Agar British melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan. | 1 |
| | C | **Contoh**: Memberikan kuasa tertentu kepada Sultan dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan. | 1 |
| | H3c | Pembentukan Persekutuan akan mendorong pelabur luar masuk melabur di negara ini. | 1 |
| | H3d | British laksanakan dasar dekolonisasi (proses ke arah berkerajaan sendiri) melalui Piagam Atlantik. | 1 |
| | | **[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **[4*m*]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **(b)** | Jelaskan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948 dari aspek pentadbiran | | |
| | F1<br>H1a<br><br>H1b<br>H1c<br><br>H1d<br><br>H1e<br><br>H1f<br><br>H1g<br><br>H1h | **Pentadbiran**<br>Persekutuan dibentuk menerusi gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat.<br>Singapura kekal sebagai tanah jajahan British berasingan.<br>Kerajaan Persekutuan diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif.<br>Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama.<br>Majlis Mesyuarat Persekutuan) dan(Majlis Perind Persekutuan) ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British.<br>Majlis Mesyuarat Persekutuan mengandungi ahli dan ahli tidak rasmi.<br>Ahli tidak rasmi pada peringkat permulaan dilantik Pesuruhjaya Tinggi.<br>Ahli Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum. | <br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1 |
| | | **[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **[4*m*]** |
| **(c)** | Terangkan kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dari aspek kerjasama kaum | | |
| | F1<br>F2<br><br><br>F3<br><br>F4<br><br>F5 | Kepentingan kerjasama kaum dalam usaha memupuk perpaduan.<br>Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis perpaduan antara kaum dengan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC).<br>Kebanyakan cadangan CLC dimasukkan dalam usul perundangan yang diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan.<br>Jawatankuasa ini berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum.<br>Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957 yang sekaligus membawa kemerdekaan. | 1<br>1<br><br><br>1<br><br>1<br><br>1 |
| | | **[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **[4 *m*]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **(d)** | **Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mengembalikan kedaulatan raja dan kedudukan bangsa Melayu sebagai penduduk asal negara ini. Buktikan** | | |
| | F1<br>F2<br>F3<br>F4<br>F5<br>F6<br><br>F7<br><br>F8<br><br>F9<br>F10<br><br>F11<br>F12<br><br>F13 | Majlis Raja-Raja dapat diwujudkan melalui Perjanjian<br>Persekutuan Tanah Melayu 1948 seramai sembilan anggota.<br>Memulihkan kedudukan dan Raja-Raja Melayu.<br>Raja-raja Melayu telah kembali berkuasa.<br>Dipengerusikan oleh seorang Raja-raja Melayu.<br>Pesuruhjaya Tinggi pastikan raja perlu dirujuk terhadap bidang kuasa kerajaan Persekutuan.<br>Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa.<br>Membuka ruang kepada orang bukan melayu menjadi warganegara.<br>Mewujudkan Kerjasama kaum dalam usaha memupuk perpaduan.<br>Membuka jalan kepada perpaduan melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum.<br>Memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum<br>Berjaya merungkai percaturan dan rancangan rapi yang disusun British melemahkan orang Melayu.<br>Mewujudkan tolak ansur antara kaum untuk mencapai matlamat penubuhan PTM 1948. | |
| | | **[Mana-mana 8 x 1*m*]** | **[8 *m*]** |

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| **7.** | **Sejak tahun 1957, jawatan Raja Berperlembagaan yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong telah diperkenalkan di Malaysia.** | | |
| **(a)** | **Jelaskan konsep Raja Berperlembagaan tersebut.** | | 6markah |
| | F1 | Sistem pemerintahan beraja | 1 |
| | F2 | YDPA dipilih secara bergilir-gilir dari kalangan sembilan orang raja Melayu dalam Persekutuan | 1 |
| | F3 | Pemilihan YDPA dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F4 | Menurut kaedah yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-peraturan Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F5 | Sebagai Ketua Utama Negara | 1 |
| | F6 | Termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan | 1 |
| | F7 | YDPA menjadi punca kedaulatan, perpaduan, kebesaran dan memuliaan negara | 1 |
| | F8 | YDPA memerintah untuk tempoh lima tahun | 1 |
| | F9 | YDPA bertindak atas nasihat Perdana Menteri | 1 |
| | F10 | YDPA mempunyai kuasa budi bicara dalam hal tertentu untuk membuat keputusan. | 1 |
| | | **[Mana-mana 6 x 1*m*]** | **[6*m*]** |
| **(b)** | **Huraikan kuasa dan peranan Yang di-Pertuan Agong berikut :** | | |
| | (i) | Kuasa Eksekutif | 2markah |
| | F1 | YDPA melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri | 1 |
| | H1a | Melantik seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada budi bicara baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri | 1 |
| | H1b | Melalui nasihat Perdana Menteri melantik Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri daripada Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara | 1 |
| | F2 | Pelantikan jawatan penting | 1 |
| | H2a | YDPA melantik Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Audit Negara | 1 |
| | H2b | Melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan raya, Ahli Suruhanjaya Polis dan sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Tentera | 1 |
| | F3 | Ketenteraan | 1 |
| | H3a | YDPA pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia | 1 |
| | H3b | Baginda dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera | 1 |
| | F4 | Diplomatik | 1 |
| | H4a | YDPA melantik diplomat Malaysia ke luar negara | 1 |
| | H4b | Baginda juga menerima menghadao diplomat asing sebelum mereka mula menjalankan tugas di Malaysia | 1 |
| | | **[Mana-mana 2 x 1*m*]** | **[8*m*]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | (ii) | Kuasa Perundangan | 2markah |
| | F1 | YDPA memperkenankan sesuatu Rang Undang-Undang | 1 |
| | H1 | Melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara | 1 |
| | F2 | Persidangan Parlimen | 1 |
| | H2a | YDPA mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang | 1 |
| | H2b | Baginda berkuasa memberhentikan dan membubarkan Parlimen | 1 |
| | F3 | Agama | 1 |
| | H3a | YDPA merupakan Ketua Agama Islam | 1 |
| | H3b | Di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F4 | Hak dan keistimewaan | 1 |
| | H4a | YDPA bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan Istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah | 1 |
| | H4b | Baginda juga bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia | 1 |
| | F5 | Pengisytiharan darurat | 1 |
| | H5 | Pengisytiharan darurat dibuat setelah baginda memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang mengancaam keselamatan awal dan ekonomi negara | 1 |
| | | **[Mana-mana 2 x 1*m*]** | **[2*m*]** |
| | (iii) | Kuasa Kehakiman | 2markah |
| | F1 | Melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri | 1 |
| | F2 | Memberikan pengampunan hal jenayah di Wilayah Persekutuan | 1 |
| | F3 | Bertindak atas Lembaga Pengampunan | 1 |
| | F4 | Mengampunkan / Menangguhkan / Meringankan hukuman | 1 |
| | F5 | Mahkamah tentera / Mahkamah Syariah di Melaka / Sabah / Sarawak & Wilayah Persekutuan | 1 |
| | | **[Mana-mana 2 x 1*m*]** | **[2*m*]** |

| (c) | **Sistem Raja Berperlembagaan perlu dipertahankan.<br>Mengapakah anda menyokong pernyataan tersebut?** | | |
|---|---|---|---|
| | F1 | Warisan turun temurun sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka | 1 |
| | H1 | Pernah menjadi tonggak pembentukan empayar | 1 |
| | C1 | Warisan politik tradisional yang terbukti berkesan untuk memerintah dan mentadbir | 1 |
| | I1 | Berperanan menjadikan negara pusat penyebaran Islam seperti pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka | 1 |
| | F2 | Pelindung semua rakyat Malaysia | 1 |
| | H2a | Kuasa tertinggi yang melindungi kedudukan orang Melayu dan bumiputera / hak istimewa orang Melayu | 1 |
| | H2b | Memelihara kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | F3 | Raja sebagai ketua negara | 1 |
| | H3 | Menjadi lambang perpaduan rakyat pelbagai kaum | 1 |
| | C3 | Menjadi tumpuan taat setia rakyat | 1 |
| | I3 | Mengekalkan keharmonian antara kaum | 1 |
| | F4 | Raja merupakan tonggak dan keutuhan negara | 1 |
| | H4 | Lambang kedaulatan negara | 1 |
| | C4 | Sebagai Ketua Utama Negara | 1 |
| | I4 | Memelihara keamanan dan kesejahteraan negara | 1 |
| | F5 | Memelihara kedudukan agama islam | 1 |
| | H5 | Raja sebagai Ketua Agama Islam | 1 |
| | | *(Mana-mana jawapan yang munasabah)* | |
| | | **[Mana-mana 8 x 1*m*]** | **[8 *m*]** |

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| **8.** | | | |
| **(a)** | **Apakah strategi Dasar Pembangunan Nasional?** | | 4markah |
| | F1 | Melibatkan pihak swasta dalam pembangunan ekonomi negara | 1 |
| | F2 | Melaksanakan program penanaman semula | 1 |
| | F3 | Menggunakan sains dan teknologi moden dalam meningkatkan hasil pertanian. | 1 |
| | F4 | Meningkatkan pemilikan saham bumiputera | 1 |
| | F5 | Menyediakan intensif/kemudahan pendidikan kepada masyarakat miskin. | 1 |
| | F6 | Memperkenalkan pembelajaran digital/e-pembelajaran | 1 |
| | F7 | Mewujudkan masyarakat perdagangan/perindustrian bumiputera | **1** |
| | F8 | Menyediakan/menambahbaik kemudahan asas | **1** |
| | F9 | Pembangunan mampan tanpa mengabaikan alam | **1** |
| | F10 | Memberikan tumpuan terhadap penggunaan teknologi hijau | **1** |
| | | **[Mana-mana 4 x 1*m*]** | **[4*m*]** |
| **(b)** | **Jelaskan usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk menyusun semula masyarakat semasa pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).** | | 8markah |
| | F1 | Pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera | 1 |
| | F2 | Bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan/Perkara 153 | 1 |
| | F3 | Meningkatkan tenaga kerja/penyertaan bumiputera dalam sektor moden | 1 |
| | F4 | Latihan dalam bidang pengurusan harta/etika perniagaan | 1 |
| | F5 | Pemberian kontrak kuota/lesen kepada perniagaan milik bumiputera/syarikat usaha sama dengan bukan bumiputera | 1 |
| | F6 | Penyertaan bumiputera dalam IKS | 1 |
| | F7 | Menggalakkan usaha sama secara aktif bumiputera dengan bukan bumiputera | 1 |
| | F8 | Pendedahan kepada teknologi baharu/kemudahan modal/maklumat/hubungan pasaran antarabangsa | 1 |
| | | **[Mana-mana 8 x 1*m*]** | **[8*m*]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **(c)** | **Wajarkah pemberian subsidi diteruskan oleh kerajaan?<br>Nyatakan pendirian anda dan berikan alasannya** | | |
| | F1 | Wajar, | 1 |
| | F2 | Menjaga kebajikan rakyar secara keseluruhan | 1 |
| | F3 | Mengurangkan tekanan kewangan rakyat kurang mampu | 1 |
| | F4 | Meringankan kos sara hidup yang hidup | 1 |
| | F5 | Contoh pemberian subsidi barangan beras/inyak masak/tepung/bahan api petrol | 1 |
| | F6 | Membantu golongan berpendapatan rendah menikmati kesejahteraan hidup | 1 |
| | F7 | Meningkatkan pengeluaran/produktiviti sektor tertentu | 1 |
| | F8 | Menyokong perkembangan sektor pertanian | 1 |
| | F9 | Menawarkan subsidi baja/racun/benih kepada petani | 1 |
| | F10 | Secara kesimpulan,menjamin kesejahteraan hidup rakyat miskin | 1 |
| | | *(Mana-mana jawapan yang munasabah)*<br>**[Mana-mana 8 x 1*m*]** | **[8 *m*]** |

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| 9 | **Penggubalan dasar luar Malaysia dilaksanakan berpandukan perkembangan ekonomi, sosial dan politik pada peringkat domestik dan antarabangsa.** | | |
| (a) | **Jelaskan faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia.** | | |
| | F1 | Ikatan Sejarah | 1 |
| | F2 | Nilai sejarah yang dilalui merupakan dasar luar yang digubal berdasarkan adanya ikatan sejarah antara negara ini dengan negara lain. | 1 |
| | F3 | Ikatan sejarah dan budaya dengan negara serantau dan antarabangsa | 1 |
| | F4 | Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Thailand, Burma (Myanmar), China dan India | 1 |
| | F5 | Malaysia menjalinkan hubungan rapat dengan negara-negara ini. | 1 |
| | F6 | ikatan keagamaan yang terjalin sejak sekian lama. | 1 |
| | F7 | Hubungan Malaysia dengan Arab Saudi, Mesir, Yaman dan Turki | 1 |
| | F8 | Selepas mencapai kemerdekaan, negara kita telah menyertai pertubuhan Komanwel. | 1 |
| | F9 | Keperluan Nasional | 1 |
| | F10 | Keperluan nasional bermaksud memberikan keutamaan kepada kepentingan negara. | 1 |
| | F11 | kepentingan negara diberi perhatian utama | 1 |
| | F12 | untuk menjaga kedaulatan mahupun dasar yang menguntungkan negara. | 1 |
| | F13 | Kedudukan yang strategik menjadi perkiraan utama dalam membentuk dasar luar dengan negara serantau | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F14 | Hubungan baik dengan negara luar membolehkan Malaysia menjaga kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara sekiranya diperlukan | 1 |
| | F15 | Kepentingan ekonomi dan keamanan menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali | 1 |
| | F16 | menjalinkan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi. | 1 |
| | F17 | Kepimpinan | 1 |
| | F18 | Kebijaksanaan dan kebolehan seseorang pemimpin negara turut menjadi asas penting dalam penggubalan dasar luar Malaysia | 1 |
| | F19 | Pemimpin perlu peka akan perkembangan pada peringkat antarabangsa serta perubahan yang berlaku bagi menentukan hala tuju dasar luar negara. | 1 |
| | F20 | Dasar menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun pada tahun 1990-an merupakan satu<br><br>perubahan sikap pemimpin yang sebelum ini lebih cenderung kepada negara maju. | 1 |
| | F21 | Malaysia telah menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun di Afrika dan negara kepulauan di Pasifik Selatan. | 1 |
| | F22 | Persekitaran Luar | 1 |
| | F23 | Perkembangan politik, ekonomi dan sosial antarabangsa yang sentiasa berubah | 1 |
| | F24 | menyebabkan penggubalan dasar luar Malaysia disesuaikan dengan perubahan yang berlaku. | 1 |
| | F25 | Penggubalan dasar luar negara ditentukan oleh perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa seperti ketika era Perang Dingin. | 1 |
| | F26 | Pada masa itu, dasar luar negara dilihat lebih probarat. | 1 |
| | F27 | Malaysia mengubah dasar daripada probarat kepada tidak berpihak berdasarkan perkembangan yang berlaku pada tahun 1970-an. | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | **[Mana-mana 4x1m]** | **[4m]** |
| (b) | **Malaysia menjadi anggota banyak pertubuhan antarabangsa.**<br><br>**Terangkan manfaat yang diperoleh Malaysia melalui pertubuhan Komanwel.** | | |
| | F1 | Rancangan Colombo | 1 |
| | F2 | Rancangan pembangunan ekonomi dan sosial | 1 |
| | F3 | Menangani masalah kemiskinan | 1 |
| | F4 | Mendapat khidmat nasihat | 1 |
| | F5 | Berkaitan pendidikan /pertanian / teknikal /kesihatan | 1 |
| | F6 | Program latihan kakitangan awam/ | 1 |
| | F7 | pembangunan sektor swasta | 1 |
| | F8 | Bantuan dalam pelbagai bidang | 1 |
| | F9 | Kerjasama Pertahanan | 1 |
| | F10 | Perjanjian antara Britain dan Tanah Melayu | 1 |
| | F11 | Pertahanan / keselamatan negara | 1 |
| | F12 | Britain / negara Komanwel memberi bantuan pertahanan | 1 |
| | F13 | Kerjasama Ekonomi | 1 |
| | F14 | Negara Komanwel rakan dagang utama | 1 |
| | F15 | Komoditi utama negara dieksport ke negara | 1 |
| | F16 | Komanwel dengan mudah | 1 |
| | F17 | Kadar cukai lebih rendah | 1 |
| | F18 | Cukai eksport barangan siap / cukai produk digital | 1 |
| | F19 | Mendapat kemudahan kredit / bantuan dana | 1 |
| | F20 | Negara Komanwel membuat pelaburan | 1 |
| | F21 | Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F22 | Membincangkan isu antarabangsa | 1 |
| | F23 | Tuan rumah persidangan pada tahun 1989 | 1 |
| | F24 | Sukan Komanwel | 1 |
| | F25 | Mengeratkan hubungan negara anggota | 1 |
| | F26 | Meningkatkan pencapaian atlet negara | 1 |
| | F27 | Tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun 1998 | 1 |
| | | **[Mana-mana 8x1m]** | **[8m]** |
| (c) | **Teliti maklumat berikut.** | | 8markah |

**MATLAMAT PENGGUBALAN**
**DASAR LUAR MALAYSIA**

**1. Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara**



**2. Melindungi kepentingan industri**




**3. Mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia**



**4. Memupuk hubungan baik dengan Negara luar**



**5.Menghadapi perkembangan serta cabaran politik, ekonomi dan sosial**



| | | |
|---|---|---|
| | **Huraikan maklumat di atas dan mengapakah hubungan baik dengan negara luar perlu diperkukuh?** | |
| | **Maklumat**<br><br>Matlamat penggubalan dasar luar malaysia<br><br>Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara<br><br>Melindungi kepentingan industri<br><br>Mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia<br><br>Memupuk hubungan baik dengan Negara luar<br><br>Menghadapi perkembangan serta cabaran politik, ekonomi dan sosial<br><br>**Mengapakah hubungan baik dengan negara luar perlu diperkukuh?**<br><br>Menjamin keselamatan dan kedaulatan negara<br><br>Mengembangkan potensi ekonomi negara<br><br>Membuka ruang perkongsian penyelidikan dan pendidikan<br><br>Memudahkan bantuan jika berlaku krisis atau bencana alam<br><br>Meningkatkan industri pelancongan<br><br>Menjamin keamanan negara<br><br>Menjamin kedaulatan negara<br><br>(Mana-mana jawapan munasabah) | |
| | **[Mana-mana 8x1m]** | **[8m]** |